KEDUDUKAN HADIS *AHAD* DALAM AKIDAH

Muhammad Rashidi bin Haji Wahab
Mohd Faizul bin Azmi

ABSTRAK

Hadis merupakan salah satu dalil terpenting dalam menetapkan dasar-dasar keyakinan Islam, manakala akidah pula merupakan tunjang paling utama dalam pembinaan keimanan kepada Allah SWT. Memandangkan kedudukan hadis sangat diperlukan dalam pembentukan akidah, ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah telah menekankan perbahasan tentang pendalilan hadis dalam akidah. Antara perbincangan tersebut adalah berkaitan penerimaan atau penolakan hadis berdasarkan pembahagian bilangan turuq atau sanad kepada dua bahagian; hadis mutawatir dan hadis ahad. Dalam hal ini, keseluruhan ulama bersepakat menerima pendalilan hadis mutawatir, sedangkan pendalilan hadis ahad telah menjadi pertikaian yang berlarutan sehingga sekarang. Kesan daripada perselisihan tersebut telah mencetuskan kekeliruan kepada sebilangan umat Islam hari ini sama ada hadis ahad dapat dijadikan hujah atau tidak dalam menetapkan akidah. Menerusi kaedah analisis kandungan dokumen daripada pelbagai sumber primer dan sekunder yang berautoriti, artikel ini akan mengetengahkan suatu penelitian tentang isu berkaitan untuk mengenal pasti kedudukan hadis ahad dapat dijadikan sebagai sumber pendalilan dalam akidah atau sebaliknya. Kajian mendapati bahawa jumhur ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jama^{c}ah tidak menerima pendalilan hadis ahad dalam akidah kerana hadis ahad menghasilkan keputusan yang bersifat zan, sedangkan akidah Islam dibina berasaskan keyakinan yang jazm melalui dalil-dalil bersifat mutawatir. Walau bagaimanapun, sebilangan ulama lain menerima pendalilan hadis ahad dengan tidak membezakan antara hadis ahad dan hadis mutawatir dalam menghasilkan keyakinan terhadap akidah atau fikah, namun pandangan yang dikemukakan oleh jumhur ulama didapati lebih kukuh berdasarkan hujah yang dibawakan oleh mereka.

Kata kunci: Hadis Ahad, Akidah, Yakin, Zan.

PENDAHULUAN

Pendalilan dalam akidah Islam terdiri daripada dua sumber iaitu dalil *naqli* dan dalil *'aqli*. Dalil *naqli* merujuk kepada nas-nas al-Quran dan hadis Rasulullah SAW, manakala dalil *'aqli* merujuk kepada penyusunan bukti-bukti yang diyakini oleh akal manusia. Para ulama bersepakat mengiktiraf dalil *naqli* sebagai sumber utama dalam menetapkan akidah yang benar kerana kedua-dua sumber ini mempunyai penghujahan bersifat *qat'iyyah al-thubuth* daripada Rasulullah SAW. Namun begitu, dalam membincangkan perihal pendalilan hadis, mereka berselisihan pendapat tentang penghujahan hadis *ahad* yang tidak *mutawatir* sama ada ia dapat dijadikan sebagai salah satu sumber dalil yang *qat'iyyah al-thubut* atau tidak dalam perbahasan akidah.[198]

Sorotan literatur membuktikan bahawa terdapat tiga kumpulan ulama dalam mendepani isu tersebut: Kumpulan pertama berpendapat hadis *ahad* tidak diterima dalam mengisbatkan akidah, malah beranggapan hadis ini hanya memberi faedah dari sudut kegunaan untuk beramal sahaja tetapi bukan dari sudut memberi keyakinan. Kumpulan kedua pula berpendapat hadis *ahad* diterima sebagai sumber dalam akidah dan ia membawa kepada keyakinan dan beramal. Sedangkan kumpulan ketiga berpendapat hadis *ahad* yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim ataupun salah seorang daripada mereka sahaja yang dapat dijadikan hujah dalam akidah.[199] Perselisihan yang berlaku ini menyebabkan timbul kekeliruan dalam kalangan masyarakat Islam bagi menilai pendapat kumpulan ulama manakah yang paling tepat tentang permasalahan tersebut.

Menerusi kaedah analisis kandungan dokumen daripada pelbagai sumber primer dan sekunder yang berautoriti, artikel ini akan mengetengahkan suatu penelitian tentang isu berkaitan untuk mengenal pasti sama ada hadis *ahad* dapat dijadikan sebagai sumber pendalilan dalam akidah atau sebaliknya. Selain itu, tulisan ini turut menjelaskan tentang peringkat keyakinan dalam menetapkan keimanan berlandaskan ilmu sehingga membawa kepada pengukuhan dan kesempurnaan akidah seseorang Islam. Sebagai permulaan, artikel ini akan memaparkan definisi

198 al-Duri, Qahtan 'Abd al-Rahman (2012), *al-'Aqidah al-Islamiyyah wa Madhahibuha*, Bayrut: Kitab Nashirun, hlm. 23-24.
199 *Ibid.*, hlm. 24-27; al-Salih, Subhi (2009), *'Ulum al-Hadith*, Bayrut: Dar al-'Ilm Lilmalayin, hlm. 151.

hadis *ahad* terlebih dahulu untuk menjelaskan definisi serta pembahagian hadis *ahad* menurut kacamata ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah.[200]

DEFINISI HADIS *AHAD*

Hadis ialah sesuatu yang disandarkan kepada Rasulullah SAW sama ada ia berupa perkataan, perbuatan, pengakuan, sifat fizikal, akhlak dan perilaku Baginda setelah diangkat menjadi rasul atau sebelumnya.[201] Jika ditinjau dari sudut penggunaan perkataan hadis dan sunnah pula, didapati bahawa kedua-dua perkataan ini mempunyai pengertian dan maksud yang serupa serta boleh ditukar ganti antara satu sama lain. Namun sekiranya dirujuk kepada asal usul kedua-dua perkataan tersebut, ia menunjukkan bahawa terdapat beberapa perbezaan dalam penggunaannya sama ada dari sudut bahasa atau istilah.[202] Dalam hal ini, sebilangan ulama menyatakan hadis hanya mencakupi perkataan, perbuatan dan perilaku Rasulullah SAW, manakala sunnah mencakupi perbuatan dan perilaku Rasulullah SAW sahaja.[203]

Ulama hadis telah melakukan pembahagian hadis melalui pelbagai kaedah, antaranya pembahagian dari aspek bagaimana sesuatu hadis sampai kepada umat Islam melalui bilangan *turuq* (jalan-jalan) atau sanad. Berdasarkan bilangan *turuq* (jalan-jalan) atau sanad tersebut, hadis telah dibahagikan kepada dua bahagian iaitu; hadis *mutawatir* dan hadis *ahad*. Hadis *mutawatir* ialah hadis yang mempunyai bilangan para perawi yang ramai pada setiap peringkat sanad sehingga akal dan adat menolak kemungkinan para perawi tersebut bersepakat untuk melakukan pendustaan terhadap sesuatu hadis yang diriwayatkan oleh mereka dengan bersandarkan kepada pancaindera.[204] Manakala hadis *ahad* ialah hadis yang tidak

---

200 Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah dalm tulisan ini secara umumnya bermaksud sebuah mazhab terdiri daripada setiap orang Islam yang mengikut petunjuk Rasulullah SAW dan para sahabat dalam memahami serta malaksanakan tuntutan akidah, fikah dan akhlak. Maka terkeluar daripada Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah ialah aliran bidaah seperti Shi'ah, Khawarij, Mu'tazilah, Qadariyyah, Jabariyyah, Mujassimah dan lain-lain lagi. Lihat al-Mahdali, al-Sayyid Muhammad 'Aqil bin 'Ali (1993), *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah: Madkhal wa Dirasah*, Qahirah: Dar al-Hadith, hlm. 7-11.

201 Muhammad 'Umar Hashim (T.th), *al-Sunnah al-Nabawiyyah wa 'Ulumuha*, T.t.p: Maktabah Gharib, hlm. 17; Nur al-Din 'Itr (1424H), *Manhaj al-Naqd fi 'Ulum al-Hadith*, Damshiq: Dar al-Fikr, hlm. 27;

202 al-Salih, *op.cit.*, hlm. 3.

203 *Ibid.*, hlm. 6.

204 Khatib al-Baghdadi, Abi Bakar Ahmad bin cAli bin Thabit (2006), *Kitab al-Kifayah fi 'Ilm al-Riwayah*, tahqiq: Zakaria 'Amyarat, Bayrut: Dar al-Kitab al-'Ilmiyyah, hlm. 20; al-Salih, *op.cit.*, hlm. 146-147; Abu Zahrah, Muhammad (T.th), *Usul al-Fiqh*, Qahirah: Dar al-

memenuhi syarat-syarat hadis *mutawatir* atau tidak memenuhi sebahagian dari syarat-syarat *mutawatir*.[205] Hadis *ahad* dapat dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu:

1. Hadis *mashhur*: Iaitu hadis yang diriwayatkan oleh tiga atau lebih perawi dalam salah satu daripada peringkat-peringkat sanad, namun ia tidak mencapai tahap hadis *mutawatir*.
2. Hadis *'aziz*: Iaitu hadis yang diriwayatkan oleh sekurang-kurangnya dua perawi dalam salah satu daripada peringkat-peringkat sanad.
3. Hadis *gharib*: Iaitu hadis yang diriwayatkan oleh seorang perawi sahaja dalam salah satu daripada peringkat-peringkat sanad.[206]

Berdasarkan definisi dan pembahagian hadis *ahad* di atas, difahami bahawa jumhur ulama bersetuju bahawa hadis yang mempunyai empat atau lebih perawi sahaja yang dikategorikan sebagai hadis *mutawatir* walaupun masih terdapat perselisihan.[207] Manakala hadis yang mempunyai tiga perawi atau kurang adalah termasuk dalam pembahagian hadis *ahad* sama ada hadis *mashhur*, hadis *ᶜaziz* atau hadis *gharib*. Pembahagian ini juga menunjukkan bahawa para ulama bukan sahaja mementingkan sesuatu hadis itu telah menepati syarat-syarat hadis *sahih*[208] atau hadis *hasan*[209], bahkan mereka

---

Fikr al-'Arabi, hlm. 107; al-Zuhayli, Wahbah (1986), *Usul al-Fiqh al-Islami*, Damshiq: Dar al-Fikr, jld. 1, hlm. 451.

205 Khatib al-Baghdadi, *op.cit.*, hlm. 16-17; al-'Asqalani, Shihab al-Din Ahmad bin Hajar (2001), *Nuzhat al-Nazar fi Tawdih Tukhbat al-Fikr fi Mustalah Ahl al-Athar*, tahqiq: 'Abd Allah bin Dif Allah al-Rahili, Riyad: Maktabah al-Malk Fahd al-Wataniyyah Athna' al-Nashr, hlm. 55; al-Qasimi, Muhammad Jamal al-Din (2004), *al-Qawa'id al-Tahdith Min Funun Mustalah al-Hadith*, tahqiq: 'Abd al-Qadir al-Arnaud, Bayrut: Muassasah al-Risalah, hlm. 243.

206 Ibn al-Salah, Abu 'Umar wa 'Uthman bin 'Abd al-Rahman al-Shahruzwari (1986), *'Ulum al-Hadith li Ibn al-Salah*, tahqiq: Nur al-Din 'Itr, Damshiq: Dar al-Fikr, hlm. 270; Abu Zahrah, *op.cit.*, hlm. 108.

207 Berlaku perselisihan pendapat tentang bilangan perawi bagi setiap peringkat sanad hadis *mutawatir*. Pendapat masyhur ialah empat orang atau lebih berdasarkan surah al-Nur (24) ayat 13 serta bersesuaian dengan bilangan perawi hadis *mashhur* sekurang-kurangnya tiga orang. Sebilangan pendapat lain menyatakan; lima orang, 10 orang, 12 orang, 20 orang, 40 orang, 70 orang, 313 orang dan sebagainya lagi. Lihat al-Salih, *op.cit.*, hlm. 147.

208 Hadis *sahih* ialah hadis *musnad* yang mempunyai sanad yang bersambung dan diriwayatkan oleh perawi yang *'adil* lagi *dabit* daripada perawi yang *'adil* lagi *dabit* sehingga sampai kepada Rasulullah SAW atau para sahabat atau para *tabi'in*. Hadis *sahih* ini juga bukan hadis *shaz* atau hadis *mu'allal*. Lihat Ibn Kathir (1996), *al-Ba'ith al-Hathith Sharh Ikhtisar 'Ulum al-Hadith*, tahqiq: Ahmad Muhammad Shakir & Nasir al-Din al-Albani, Riyad: Maktabah al-Macarif, jld. 1, hlm. 99.

209 Hadis *hasan* ialah hadis yang sanadnya bersambung dan diriwayatkan oleh perawi yang *'adil* tetapi ingatannya kurang sempurna, namun ia masih terselamat daripada tergolong dalam hadis *shaz* atau hadis *mu'allal*. Perbezaan antara hadis *sahih* dan hadis *hasan* ialah

turut mementingkan kuantiti para perawi bagi setiap peringkat sanad agar keyakinan mereka terhadap intipati Islam bertambah kukuh.

KEYAKINAN SEBAGAI ILMU DALAM AKIDAH

Akidah ialah suatu perkara yang berkaitan dengan kepercayaan dan keyakinan di dalam hati sehingga jiwa menjadi tenang kerana tiada lagi keraguan dan kesamaran untuk beriman kepada Allah SWT.[210] Mengenal Allah SWT (*ma'rifah Allah*) merupakan kewajipan paling utama bagi memperolehi keimanan agar keyakinan seseorang *mukallaf* terhadap Allah SWT sentiasa terpelihara.[211] Dimaksudkan dengan *ma'rifah Allah* tersebut ialah keyakinan yang teguh dan berbetulan dengan hakikat yang sebenar dan disertai oleh dalil tertentu. Dalam hal ini, penekanan terhadap aspek keyakinan sangat penting dengan mensyaratkan keyakinan tersebut mesti berbentuk *jazm* (keyakinan yang teguh) sepenuhnya tanpa dimasuki oleh unsur-unsur *zan, shak* atau *wahm*. Manakala keyakinan yang *jazm* ini pula terhasil daripada dalil-dalil bersifat *qat*^{c}*iyah al-thubut* sahaja sama ada ia berbentuk *ijmali* (ringkas) atau *tafsili* (terperinci).[212]

Istilah ilmu[213] sering dikaitkan dengan keimanan dan keyakinan kerana pengertian iman itu sendiri ialah membenarkan dengan hati secara pasti bersesuaian dengan dalil atau bukti. Maka keyakinan hati yang tidak sampai kepada peringkat kepastian, ia tidak disebut sebagai iman, malah ia dikenali sebagai *zan*.[214] Perkara ini dijelaskan oleh al-Quran sepertimana berikut:

إِنَّ ٱلَّذِينَ لَا يُؤۡمِنُونَ بِٱلۡأٓخِرَةِ لَيُسَمُّونَ ٱلۡمَلَٰٓئِكَةَ تَسۡمِيَةَ ٱلۡأُنثَىٰ ﴿٢٧﴾ وَمَا لَهُم بِهِۦ مِنۡ عِلۡمٍۖ إِن يَتَّبِعُونَ إِلَّا ٱلظَّنَّۖ وَإِنَّ ٱلظَّنَّ
لَا يُغۡنِي مِنَ ٱلۡحَقِّ شَيۡـٔٗا ﴿٢٨﴾

---

perawi yang *'adil* dalam hadis *hasan* kurang *dabit*, sedangkan perawi dalam hadis *sahih* adalah *dabit*. Lihat al-Salih, *op.cit.*, hlm. 156.

210 al-Banna, Hasan (1421H), *al-'Aqaid*, tahqiq: Ridwan Muhammad Ridwan, Iskandariyyah: Dar al-Da'wah, hlm 7.

211 al-Bayjuri, Ibrahim bin Muhammad bin Ahmad (2001), *Tuhfah al-Murid*, Bayrut: Dar al-Kitab al-'Ilmiyyah, hlm. 45.

212 al-Bayjuri, *op.cit.*, hlm. 45; al-Duri, *op.cit.*, hlm. 24.

213 Al-Baqillani mendefinisikan ilmu ialah mengetahui perkara-perkara yang maklum sebagaimana hakikatnya. Lihat al-Baqillani, Abi Bakar Muhammad bin Tayyib (1957), *al-Tamhid*, Bayrut: Maktabah al-Sharqiyyah, hlm. 6.

214 al-Razi, Abi Bakar bin 'Abd al-Qadir (1989), *Mukhtar al-Sihah*, Lubnan: Maktabah Lubnan, hlm. 656; Fathi Muhammad Salim (1981), *al-Istidlal bi al-Zanni fi al-'Aqidah*, Bayrut: Dar al-Bayariq, hlm. 11.

Maksudnya:
Sesungguhnya orang-orang yang tidak beriman kepada kehidupan akhirat, mereka benar-benar menamakan malaikat itu dengan nama perempuan. Mereka tidak mempunyai pengetahuan tentang itu dan mereka tidak lain hanyalah mengikuti sangkaan sedangkan sesungguhnya sangkaan itu tiada berfaedah walaupun sedikit terhadap kebenaran.[215]

Para ulama telah menetapkan tiga kaedah dalam menentukan tahap keyakinan iaitu melalui pancaindera, pendalilan akal dan perkhabaran yang benar. Pertama, pancaindera: Pada diri manusia terdapat lima pancaindera yang mempunyai kemampuan untuk mendengar, melihat, menghidu, merasa dan menyentuh. Pancaindera tersebut dapat memberikan keyakinan kepada manusia kerana ia bertindak sebagai pemberi maklumat, contohnya manusia yakin dengan kewujudan diri sendiri, keberadaan mereka di atas bumi serta kewujudan perkara-perkara lain. Kedua, pendalilan akal: Melalui kaedah pendalilan akal seperti penelitian, analisis, pembuktian dan penyusunan maklumat, ia dapat memberikan keyakinan kepada manusia untuk menggunakan akal dalam menghasilkan ilmu. Contohnya, manusia menggunakan akal dalam menentukan bilangan seribu lebih banyak daripada seratus, mengetahui pintu diketuk oleh seseorang apabila tendengar pintu diketuk dan sebagainya lagi. Maka setiap perkara yang dihasilkan melalui pendalilan akal dapat memberi keyakinan, seterusnya menjadi pegangan dalam kepercayaan.

Ketiga, perkhabaran yang benar: Keyakinan juga dapat diperolehi melalui perkhabaran benar dan *mutawatir* yang disampaikan oleh individu ataupun sekumpulan manusia. Contohnya manusia mengetahui mengenai kewujudan negara China tanpa perlu melihat dan tidak juga dibuktikan melalui akal, tetapi kewujudan negara tersebut sampai kepada mereka melalui perkhabaran yang disampaikan. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa perkhabaran yang *mutawatir* mampu memberikan keyakinan, bahkan perkhabaran tersebut menghasilkan ketenangan dalam jiwa kerana mustahil pada akal terdapat sekumpulan manusia yang ramai bersepakat untuk berdusta.[216] Berdasarkan penjelasan tersebut, pendalilan hadis *ahad* adalah termasuk dalam perbincangan perkhabaran yang benar kerana ia

215 al-Najm (53): 27-28.
216 al-Maydani, ‘Abd al-Rahman Hasan Habannakah (2004), *al-‘Aqidah al-Islamiyyah wa Ususuha*, Damshiq: Dar al-Qalam, hlm. 31-45.

melibatkan perkhabaran individu atau sekumpulan manusia dalam memperkatakan sesuatu dakwaan.

PENERIMAAN DAN PENOLAKAN HADIS *AHAD* DALAM AKIDAH

Ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jama[c]ah berbeza pendapat terhadap pendalilan hadis *ahad* dalam akidah. Pendapat pertama daripada jumhur ulama ialah tidak harus berhujah dengan hadis *ahad* dalam perkara akidah kerana ia tidak bersifat *qat'iyyah al-thubut*, sedangkan akidah didasari oleh keyakinan yang *jazm*.[217] Antara ulama yang menolak pendalilan hadis *ahad* tersebut ialah; al-Nawawi, al-Haramain, al-Taftazani, al-Ghazali, Abu Mansur al-Baghdadi, Ibn al-Athir, Safi al-Din al-Baghdadi al-Hanbali, Ibn Qudamah, al-Razi, 'Abd al-'Aziz al-Bukhari, al-Subki, al-Mahdi, al-San'ani, Ibn 'Abd al-Shukur, al-Shanqiti dan lain-lain.[218] Antara hujah yang diberikan oleh jumhur ulama bagi menolak penggunaan hadis *ahad* dalam akidah ialah:

1. Sekiranya sesuatu khabar atau berita yang disampaikan daripada seorang sahaja dapat memberikan keyakinan, maka kita juga perlu mempercayai semua perkhabaran yang dibawa oleh seseorang. Tetapi hakikatnya kita tidak melakukan perkara tersebut iaitu tidak mempercayai sepenuhnya perkhabaran yang disampaikan oleh hanya seorang penyampai walaupun orang tersebut dalam kalangan orang dipercayai.[219]
2. Sekiranya sesuatu khabar yang disampaikan oleh seorang sahaja dapat memberi keyakinan, maka diharuskan untuk *nasakh* nas-nas al-Quran dan sunnah yang *mutawatir* dengan hadis *ahad* memandangkan kedudukan hadis *ahad* telah menjadi setaraf dengan kedudukan al-Quran dan sunnah yang *mutawatir*. Walau bagaimanapun, kaedah *nasakh* al-Quran dan sunnah yang *mutawatir* perlu kepada sumber yang sama atau lebih kuat dari sudut kedudukan dengan nas-nas *mutawatir*. Maka tidak harus *nasakh* al-Quran

217 Al-Nawawi menyatakan bahawa sepakat jumhur umat Islam dalam kalangan para sahabat, *tabicin* dan selepas mereka antaranya ulama hadis, ulama fikah dan ulama akidah berpendapat hadis *ahad* tidak dapat dijadikan hujah dalam akidah kerana ia menghasilkan *zan* yang tidak membawa keyakinan. Lihat al-Nawawi, Muhyi al-Din Yahya bin Sharf (1929), *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi*, Qahirah: Matbu'ah al-Misriyyah bi al-Azhar, jld. 1, hlm. 131.

218 al-Qanubi, Sa'id bin Mabruk bin Hamud (1318H), *al-Sayf al-Had fi al-Rad 'Ala Man Akhadha bi Hadith al-Ahad fi Masail al-I'tiqad*, 'Uman: Matabi' al-Nahdah, hlm. 7; al-Duri, *op.cit.*, hlm. 24-25.

219 al-Duri, *op.cit.*, hlm. 25.

dan sunnah yang *mutawatir* dengan sumber yang lemah seperti hadis *ahad*.[220]

3. Sekiranya sesuatu perkhabaran yang disampaikan oleh seorang sahaja dapat memberi keyakinan, maka diharuskan berhukum dengan seorang saksi sahaja. Namun penyaksian seorang saksi tidak diterima sebagai bukti dalam hukum sekiranya tidak diiringi dengan sumpah oleh saksi tersebut ketika ketiadaan saksi yang kedua.[221]

4. Dilaporkan pada zaman para sahabat bahawa mereka menolak hadis-hadis *ahad* yang bertentangan dengan pengertian al-Quran dan riwayat *mutawatir* lain. Sekiranya hadis *ahad* memberi keyakinan, sudah tentu para sahabat tidak menolaknya sebagai hujah dalam menetapkan sesuatu perkara.[222]

Pendirian jumhur ulama tentang ketidakharusan menggunakan hadis *ahad* dalam akidah ini turut dikuatkan dengan pendapat keempat-empat imam mazhab terdiri daripada Imam Abu Hanifah, Imam Malik, Imam Imam al-Shafi'i dan Imam Ahmad dalam satu riwayat.[223] Manakala pendapat kedua ialah harus berhujah dengan hadis *ahad* kerana ia turut bersifat *qat'iyyah al-thubut* yang meyakinkan. Antara ulama yang menerima pendalilan hadis *ahad* ini ialah; al-Isfarayini, Ibn Furak, Qadi 'Abd al-Wahab al-Maliki, Qadi Abu Tayyib al-Tabari, Ibn Hazm, Ibn 'Abd al-Bar, Abu Ishaq al-Shayrazi dan lain-lain.[224] Namun Ibn Salah mensyaratkan hadis *ahad* yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim ataupun salah seorang daripada mereka sahaja yang diterima untuk dijadikan hujah dalam akidah.[225] Hujah yang dikemukakan oleh kumpulan ulama ini antaranya ialah:

1. Rasulullah SAW pernah bertemu dengan para jemaah haji sama ada secara individu atau kumpulan untuk menyebarkan ajaran Islam. Apabila para jamaah tersebut pulang ke tempat tinggal mereka, segala ajaran Islam yang disampaikan oleh Rasulullah SAW telah disebarkan oleh mereka. Hal

220 *Ibid.*
221 *Ibid.*
222 *Ibid.*
223 al-Ghazali, Muhammad (2003), *Turathuna al-Fikri fi al-Mizan al-Shara' wa al-'Aql*, Qahirah: Dar al-Shuruq, hlm. 170; al-Qanubi, *op.cit.*, hlm. 9-12.
224 al-Duri, *op.cit.*, hlm. 26; Ibn Kathir, *op.cit.*, hlm. 128; al-Saffarini, Muhammad bin Ahmad bin Salim (2008), *Lawami' al-Anwar al-Bahiyyah*, tahqiq: Abu 'Abd al-Rahman 'Adl bin Sa'id, Bayrut: Dar al-Kitab al-'Ilmiyyah, jld. 1, hlm. 19.
225 Ibn al-Salah, *op.cit.*, hlm. 28-19; al-Duri, *op.cit.*, hlm. 27; al-Salih, *op.cit.*, hlm. 151.

ini menunjukkan bahawa hadis *ahad* boleh digunakan sebagai hujah dalam akidah dan fikah.[226]

2. Masyarakat Quba' menggunakan hadis *ahad* dalam masalah pertukaran arah kiblat solat. Setelah perkara tersebut sampai kepada pengetahuan Rasulullah SAW, Baginda mengiktiraf pertukaran kiblat itu.[227]

Walau bagaimanapun, hujah ini dijelaskan oleh jumhur ulama dengan menyatakan bahawa dalam prinsip akidah hanya disampaikan dengan *mutawatir* secara *qat'i* sahaja kerana ia melibatkan tunjang agama Islam yang memerlukan keyakinan.[228] Sedangkan perkara yang berkaitan dengan fikah, ia tidak menjadi pertikaian dalam kalangan ulama untuk mengharuskan penggunaan hadis *ahad* dalam menetapkan sesuatu hukum amali.[229] Berdasarkan penelitian dan kenyataan daripada hujah-hujah jumhur ulama mengenai persoalan ini, didapati bahawa objektif utama akidah ialah memberi keyakinan yang *jazm* kepada hati serta pegangan itu tidak boleh terdedah kepada kesalahan dan keraguan. Ini kerana akidah yang kuat dan teguh hanya akan diperolehi melalui nas-nas al-Quran dan sunnah yang *mutawatir* dengan catatan kedua-dua nas tersebut jelas dan tidak memerlukan pentakwilan. Sekiranya nas-nas tersebut tidak memenuhi syarat berkaitan, ia tidak boleh berpegang dengan nas-nas ini dalam aspek akidah.[230]

ANALISIS PENDALILAN HADIS *AHAD* DALAM AKIDAH

Kumpulan ulama yang menerima pendalilan hadis *ahad* dalam menetapkan akidah tidak membezakan antara hadis *mutawatir* dan hadis *ahad* yang bersifat *sahih*. Mereka berpendapat setiap hadis *ahad* yang bertaraf *sahih* sama ada hadis tersebut hadis *mashhur*, hadis *'aziz* atau hadis *gharib* adalah diterima untuk dijadikan hujah dalam akidah.[231] Maka mereka menyatakan

226 al-Duri, *op.cit.*, hlm. 26.
227 *Ibid*.
228 Beberapa ayat al-Quran turut menjelaskan tentang keharusan menggunakan bukti yang *zan* terhadap sesuatu permasalahan fikah, contohnya dalam persoalan *ruju'* perkahwinan. Lihat al-Baqarah (2): 230.
229 *Ibid.*, hlm. 26-27; Mahmud Shaltut (2001), *al-Islam 'Aqidah wa Shari'ah*, Qahirah: Dar al-Shuruq, hlm. 60; Suhair Rashad Mahna (T.th), *Khabr al-Wahid fi al-Sunnah wa Athar fi al-Fiqh al-Islami*, Qahirah: Dar al-Shuruq, hlm. 30-55.
230 al-Duri, *op.cit.*, hlm. 27; al-Qanubi, *op.cit.*, hlm. 23.
231 al-Ashqar, 'Umar Sulayman (1999), *al-'Aqidah fi Allah*, Urdun: Dar al-Nafa'is, hlm. 51; al-Albani, Muhammad Nasir al-Din (2005), *al-Hadith Hujah Binafsih fi al-'Aqaid wa al-Ahkam*, Riyad: Maktabah al-Ma'arif, hlm. 49.

sekiranya hadis *ahad* boleh digunakan dalam fikah untuk menetapkan hukum-hakam, hadis *ahad* juga boleh digunakan dalam akidah untuk menetapkan keyakinan.[232] Ini bermaksud mereka tidak membezakan penghujahan hadis *ahad* dalam akidah atau fikah, sebaliknya memandang setiap hadis *ahad* yang bertaraf *sahih* diterima untuk dijadikan sebagai hujah *qat'i* yang membawa kepada kewajipan menyakini dan melaksanakan sesuatu tuntutan perkhabaran. Bahkan mereka turut menyandarkan pendapat mereka kepada Imam al-Shafi'i[233] yang dikatakan bahawa wajib menerima hadis yang diyakini kesahihannya sebagai hujah dalam menguatkan pandangan tersebut.[234]

Manakala jumhur ulama menolak pendapat tersebut dengan mengemukakan hujah bahawa sesuatu perkhabaran atau dakwaan mesti berdasarkan dalil yang mencapai peringkat *qat'iyyah al-thubut* melalui pendalilan berbentuk *mutawatir*.[235] Ini kerana dalil yang mencapai taraf *mutawatir* akan menghasilkan keyakinan yang teguh serta tidak menimbulkan keraguan mengenai kesahihan sesuatu maklumat yang diterima. Dalam hal ini, hadis *ahad* tidak termasuk dalam kategori *mutawatir* disebabkan hadis *ahad* tidak memenuhi syarat-syarat hadis *mutawatir* dari sudut bilangan perawi pada setiap peringkat sanad. Namun keutamaan hadis

---

232 al-Albani, *op.cit.*, hlm. 49.

233 Kenyataan Imam al-Shafi'i dikatakan terdapat dalam karyanya *al-Risalah*. Penelitian mendapati bahawa Imam al-Shafi'i tidak menentukan secara jelas tentang penerimaan hadis *ahad* dalam akidah, bahkan beliau sekadar menyatakan secara umum sahaja. Hal ini berkemungkinan penerimaan hadis *ahad* dimaksudkan beliau adalah berkaitan persoalan fikah memandangkan *al-Risalah* merupakan sebuah karya fikah. Kebiasaannya para ulama akan menerangkan tentang pendirian mereka terhadap sesuatu pendalilan dalam akidah secara terperinci sama ada menerima atau menolak. Namun, berkemungkinan juga Imam al-Shafi'i sememangnya bermaksud menerima hadis *ahad* dalam semua perkara termasuk akidah. Wa Allahu A'lam. Lihat al-Shafi'i, Muhammad bin Idris (T.th), *al-Risalah*, tahqiq: Ahmad Muhammad Shakir. Bayrut: Dar al-Kitab al-'Ilmiyyah, jld. 3, hlm. 457.

234 *Ibid.*, hlm. 39.

235 Al-Buti menjelaskan kaedah ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah dalam menetapkan keyakinan akidah ialah:

إن كنت ناقلا فالصحة، أو إن كنت مدعيا فالدليل

Maksudnya:

Jika anda penyampai berita maka hendaklah yang benar dan sahih, atau jika anda mendakwa (sesuatu kebenaran) maka hendaklah dengan dalil dan bukti.

Menurut al-Buti, dimaksudkankan dengan berita atau bukti yang sahih dalam akidah ialah dalil-dalil berbentuk *qat'iyyah al-thubut* yang membawa kepada keyakinan. Maka sumber pendalilan bagi usul akidah adalah merujuk kepada dalil-dalil *mutawatir* sahaja.

Lihat al-Buti, Muhammad Sa'id Ramadan (2009), *Kubra al-Yaqiniyyat al-Kawniyyat*, Damshiq: Dar al-Fikr, hlm. 34.

mutawatir dalam menghasilkan keyakinan sangat penting dalam pembinaan akidah kerana al-Quran mencela sesuatu perkara yang dibangunkan berasaskan *zan* sepertimana firman Allah SWT berikut:

وَمَا يَتَّبِعُ أَكْثَرُهُمْ إِلَّا ظَنًّا ۚ إِنَّ ٱلظَّنَّ لَا يُغْنِى مِنَ ٱلْحَقِّ شَيْـًٔا ۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمٌۢ بِمَا يَفْعَلُونَ

Maksudnya:
Dan kebanyakan mereka tidak mengikuti kecuali melalui sangkaan sahaja. Sesungguhnya sangkaan itu tidak sedikitpun berguna untuk mencapai kebenaran. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang mereka kerjakan.[236]

وَإِن تُطِعْ أَكْثَرَ مَن فِى ٱلْأَرْضِ يُضِلُّوكَ عَن سَبِيلِ ٱللَّهِ ۚ إِن يَتَّبِعُونَ إِلَّا ٱلظَّنَّ وَإِنْ هُمْ إِلَّا يَخْرُصُونَ

Maksudnya:
Dan jika kamu menuruti kebanyakan orang-orang yang berada di muka bumi ini, nescaya mereka akan menyesatkanmu dari jalan Allah. Mereka tidak lain hanyalah mengikuti sangkaan belaka dan mereka tidak lain hanyalah berdusta (terhadap Allah).[237]

أَلَآ إِنَّ لِلَّهِ مَن فِى ٱلسَّمَـٰوَٰتِ وَمَن فِى ٱلْأَرْضِ ۗ وَمَا يَتَّبِعُ ٱلَّذِينَ يَدْعُونَ مِن دُونِ ٱللَّهِ شُرَكَآءَ ۚ إِن يَتَّبِعُونَ إِلَّا ٱلظَّنَّ وَإِنْ هُمْ إِلَّا يَخْرُصُونَ

Maksudnya:
Ingatlah sesungguhnya kepunyaan Allah semua yang ada di langit dan semua yang ada di bumi. Dan orang-orang yang menyeru sekutu-sekutu selain Allah, tidaklah mengikuti (suatu keyakinan). Mereka tidak mengikuti kecuali sangkaan belaka dan mereka hanyalah menduga-duga.[238]

وَذَٰلِكُمْ ظَنُّكُمُ ٱلَّذِى ظَنَنتُم بِرَبِّكُمْ أَرْدَىٰكُمْ فَأَصْبَحْتُم مِّنَ ٱلْخَـٰسِرِينَ

Maksudnya:
Dan yang demikian itu adalah sangkaanmu yang telah kamu sangkakan kepada Tuhanmu, Dia telah membinasakan kamu, maka jadilah kamu termasuk orang-orang yang rugi.[239]

وَأَنَّهُمْ ظَنُّوا۟ كَمَا ظَنَنتُمْ أَن لَّن يَبْعَثَ ٱللَّهُ أَحَدًا

236 Yunus (10): 36.
237 al-An’am (6): 116.
238 Yunus (10): 66.
239 Fusilat (41): 23.

Maksudnya:
Dan sesungguhnya mereka (jin) menyangka sebagaimana sangkaan kamu (orang-orang kafir Makkah) bahawa Allah sekali-kali tidak akan membangkitkan seorang (rasul).[240]

Walaupun jumhur ulama telah mendatangkan hujah mereka berdasarkan ayat-ayat al-Quran, namun sebilangan pendokong kumpulan ulama yang menerima pendalilan hadis *ahad* terlalu berlebih-lebihan dalam mempertahankan pandangan mereka. Sebagai contoh, mereka telah menghukum bidaah kepada sesiapa yang tidak menerima pendalilan hadis *ahad* dalam akidah dengan menyatakan bahawa golongan jumhur menolak hadis Rasulullah SAW yang sahih.[241] Hasilnya mereka telah mewajibkan seluruh umat Islam menggunakan hadis *ahad* dalam pendalilan akidah sebagaimana ia digunakan dalam pendalilan fikah.[242] Setelah diperhatikan, hukuman seperti ini tidak pernah dikemukakan oleh para ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah silam yang menerima pendalilan hadis *ahad* dalam akidah. Kritikan keterlaluan tersebut menunjukkan bahawa mereka tidak menghormati perbezaan pandangan dalam kalangan ulama yang tidak sependapat dengan pendirian mereka.

KESIMPULAN

Hadis *ahad* ialah hadis yang tidak memenuhi syarat-syarat hadis *mutawatir* atau tidak memenuhi sebahagian dari syarat-syarat *mutawatir*. Hadis *ahad* dapat dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu; hadis *mashhur*, hadis *'aziz* dan hadis *gharib*. Ini kerana jumhur ulama telah menjelaskan bahawa hadis yang mempunyai empat atau lebih perawi sahaja yang dikategorikan sebagai hadis *mutawatir*. Manakala hadis yang mempunyai tiga perawi atau kurang adalah termasuk dalam pembahagian hadis *ahad*. Jumhur ulama turut bersepakat menyatakan pendalilan hadis *ahad* tidak diterima dalam akidah berdasarkan kepada alasan hadis *ahad* tidak menghasilkan keyakinanan. Ini kerana prinsip utama pembinaan akidah adalah berteraskan kepada sumber yang dipercayai dan diyakini kesahihannya.

240 al-Jin (72): 7.
241 al-Albani, *op.cit.*, hlm. 60.
242 *Ibid.*, hlm. 53.

Walau bagaimanapun, jumhur ulama tidak menolak hadis *ahad* secara total, malah mereka mengikitiraf hadis *ahad* dari sudut ianya boleh digunakan dalam masalah fikah kerana ilmu fikah dapat dibina di atas *zan*. Jumhur ulama memandang sekiranya hadis *ahad* itu sahih dari segi sanad, matan dan tidak bertentangan dengan akal, maka mereka membenarkan manusia beramal dengannya, tetapi ia tetap tidak memberi keyakinan. Sedangkan mengenal Allah SWT (*ma'rifah Allah*) melalui ilmu akidah merupakan kewajipan paling utama bagi memperolehi keimanan agar keyakinan terhadap Allah SWT sentiasa terpelihara. Keyakinan tersebut mesti berbentuk *jazm* sepenuhnya tanpa dimasuki oleh unsur-unsur *zan*, *shak* atau *wahm*. Manakala keyakinan yang *jazm* ini pula terhasil daripada dalil-dalil bersifat *qat'iyyah al-thubut* sahaja sama ada ia berbentuk *ijmali* atau *tafsili*. Maka itu sumber pendalilan berbentuk *mutawatir* menjadi suatu penghujahan yang kukuh untuk digunakan dalam menetapkan akidah.

RUJUKAN

1) Abu Zahrah, Muhammad (T.th), *Usul al-Fiqh*, Qahirah: Dar al-Fikr al-'Arabi.
2) al-'Asqalani, Shihab al-Din Ahmad bin Hajar (2001), *Nuzhat al-Nazar fi Tawdih Tukhbat al-Fikr fi Mustalah Ahl al-Athar*, tahqiq: 'Abd Allah bin Dif Allah al-Rahili, Riyad: Maktabah al-Malk Fahd al-Wataniyyah Athna' al-Nashr.
3) al-Albani, Muhammad Nasir al-Din (2005), *al-Hadith Hujah Binafsih fi al-'Aqaid wa al-Ahkam*, Riyad: Maktabah al-Ma'arif.
4) al-Ashqar, 'Umar Sulaiman (1999), *al-'Aqidah fi Allah*, Urdun: Dar al-Nafa'is.
5) al-Banna, Hasan (1421H), *al-'Aqaid*, tahqiq: Ridwan Muhammad Ridwan, Iskandariyyah: Dar al-Da'wah.
6) al-Baqillani, Abi Bakar Muhammad bin Tayyib (1957), *al-Tamhid*, Bayrut: Maktabah al-Sharqiyyah.
7) al-Bayjuri, Ibrahim bin Muhammad bin Ahmad (2001), *Tuhfah al-Murid*, Bayrut: Dar al-Kitab al-ᶜIlmiyyah.
8) al-Buti, Muhammad Sa'id Ramadan (2009), *Kubra al-Yaqiniyyat al-Kawniyyat*, Damshiq: Dar al-Fikr.
9) al-Duri, Qahtan 'Abd al-Rahman (2012), *al-'Aqidah al-Islamiyyah wa Madhahibuha*, Bayrut: Kitab Nashirun.
10) al-Ghazali, Muhammad (2003), *Turathuna al-Fikri fi al-Mizan al-Shara' wa al-'Aql*, Qahirah: Dar al-Shuruq.

11) al-Mahdali, al-Sayyid Muhammad ‘Aqil bin ‘Ali (1993), *Ahl al-Sunnah wa al-Jama’ah: Madkhal wa Dirasah*, Qahirah: Dar al-Hadith.
12) al-Maydani, ‘Abd al-Rahman Hasan Habannakah (2004), *al-‘Aqidah al-Islamiyyah wa Ususuha*, Damshiq: Dar al-Qalam.
13) al-Nawawi, Muhyi al-Din Yahya bin Sharf (1929), *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi*, Qahirah: Matbu’ah al-Misriyyah bi al-Azhar.
14) al-Qanubi, Sa’id bin Mabruk bin Hamud (1318H), *al-Sayf al-Had fi al-Rad ‘Ala Man Akhadha bi Hadith al-Ahad fi Masail al-I’tiqad*, ‘Uman: Matabi’ al-Nahdah.
15) al-Qasimi, Muhammad Jamal al-Din (2004), *al-Qawa’id al-Tahdith Min Funun Mustalah al-Hadith*, tahqiq: ‘Abd al-Qadir al-Arnaud, Bayrut: Muassasah al-Risalah.
16) al-Razi, Abi Bakar bin ‘Abd al-Qadir (1989), *Mukhtar al-Sihah*, Lubnan: Maktabah Lubnan.
17) al-Saffarini, Muhammad bin Ahmad bin Salim (2008), *Lawami’ al-Anwar al-Bahiyyah*, tahqiq: Abu ‘Abd al-Rahman ‘Adl bin Sa’id, Bayrut: Dar al-Kitab al-‘Ilmiyyah.
18) al-Salih, Subhi (2009), *ᶜUlum al-Hadith*, Bayrut: Dar al-‘Ilm Lilmalayin.
19) al-Zuhayli, Wahbah (1986), *Usul al-Fiqh al-Islami*, Damshiq: Dar al-Fikr.
20) Fathi Muhammad Salim (1981), *al-Istidlal bi al-Zanni fi al-‘Aqidah*, Bayrut: Dar al-Bayariq.
21) Ibn al-Salah, Abu ᶜUmar wa ᶜUthman bin ᶜAbd al-Rahman al-Shahruzwari (1986), *ᶜUlum al-Hadith li Ibn al-Salah*, tahqiq: Nur al-Din ᶜItr, Damshik: Dar al-Fikr.
22) Ibn Kathir (1996), *al-Ba’ith al-Hathith Sharh Ikhtisar ‘Ulum al-Hadith*, tahqiq: Ahmad Muhammad Shakir & Nasr al-Din al-Albani, Riyad: Maktabah al-Ma’arif.
23) Khatib al-Baghdadi, Abi Bakar Ahmad bin ‘Ali bin Thabit (2006), *Kitab al-Kifayah fi ‘Ilm al-Riwayah*, tahqiq: Zakaria ‘Amyarat, Bayrut: Dar al-Kitab al-‘Ilmiyyah.
24) Mahmud Shaltut (2001), *al-Islam ‘Aqidah wa Shari’ah*, Qahirah: Dar al-Shuruq.
25) Muhammad ‘Umar Hashim (T.th), *al-Sunnah al-Nabawiyyah wa ‘Ulumuha*, T.t.p: Maktabah Gharib.
26) Nur al-Din ‘Itr (1424H), *Manhaj al-Naqd fi ‘Ulum al-Hadith*, Damshiq: Dar al-Fikr.
27) Suhair Rashad Mahna (T.th), *Khabr al-Wahid fi al-Sunnah wa Athar fi al-Fiqh al-Islami*, Qahirah: Dar al-Shuruq.